



Kempen Kod Promosi POTONGAN RM2 – Scan & Pay – Maybank Championship 2025 ("**Kempen**") dianjurkan oleh Malayan Banking Berhad (No. Pendaftaran 196001000142) ("**Maybank**") dan tertakluk kepada Terma dan Syarat di sini. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Yang Layak (seperti yang ditakrifkan dalam Fasal 2.0 di bawah) dengan ini secara nyata bersetuju untuk mematuhi Terma dan Syarat ini dan sebarang keputusan yang dibuat oleh Maybank berkenaan dengan Kempen adalah muktamad, konklusif dan mengikat.

1.0 Tempoh Kempen

Kempen ini bermula pada 30 Oktober 2025 pada 12:00:00 AM (MYT) dan berakhir pada 2 November 2025 pada 11:59:59 PM (MYT), termasuk kedua-dua tarikh, atau sehingga Jumlah Had Promosi [seperti yang ditakrifkan dalam Jadual 3.0(a) di bawah] telah digunakan sepenuhnya, yang mana terdahulu ("**Tempoh Kempen**"), untuk transaksi yang disenaraikan di dalam Klausa 3.0 (c) di bawah, kecuali dimaklumkan sebaliknya. Sekiranya kempen tamat lebih awal daripada 2 November 2025, akan ada notis di www.maybank2u.com.my.

2.0 Kelayakan dan Platform

- a) Kempen ini terbuka kepada semua individu yang mempunyai akaun Maybank Anytime Everywhere ("**MAE**") aktif dan telah berdaftar untuk menggunakan Scan & Pay ("**Scan & Pay**"), iaitu platform pembayaran elektronik menggunakan kod Quick Response (QR) yang disertakan sebagai kefungisian MAE oleh Maybank2u ("**aplikasi MAE**").
- b) Kelayakan pengguna untuk Scan & Pay dikawal oleh Terma dan Syarat produk masing-masing. Kelayakan untuk penggunaan Scan & Pay adalah prasyarat utama untuk kelayakan dalam Kempen ini.
- c) Kempen ini terbuka kepada individu yang berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas dengan dokumen pengenalan diri yang sah. Bagi individu di bawah umur lapan belas (18) tahun ("**Bawah umur**"), mereka mesti mendapatkan kebenaran daripada ibu bapa dan/atau penjaga yang sah untuk menyertai Kempen ini. Penggunaan MAE adalah pengakuan kepada Maybank bahawa individu di Bawah Umur tersebut telah mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada ibu bapa dan/atau penaganya yang sah untuk menyertai Kempen ini. Terma dan Syarat ini akan dikenakan kepada serta mengikat ibu bapa dan/atau penjaga individu di Bawah Umur yang sah dan kesannya adalah sama seperti jika ibu bapa dan/atau penjaga individu di Bawah Umur tersebut adalah pihak yang bersetuju dengan Terma dan Syarat ini.

- d) Semua pelanggan individu yang telah memenuhi kriteria di atas selepas ini akan dirujuk sebagai "**Pelanggan Yang Layak**".
- e) Kempen ini hanya terpakai untuk transaksi Scan & Pay yang dibuat melalui Aplikasi MAE Versi 0.8.6 dan ke atas yang dimuat turun daripada Google Play Store, Versi 3.0 yang dimuat turun daripada Apple App Store dan Versi 0.7.9 dan ke atas yang dimuat turun daripada Huawei App Gallery sahaja.

3.0 Mekanik dan Syarat Kempen

- a) Sepanjang Tempoh Kempen, Maybank akan menawarkan kepada semua Pelanggan Yang Layak TIGA (3) diskaun promosi sebanyak RM2, tertakluk kepada perbelanjaan minimum sebanyak RM10 bagi setiap Transaksi Yang Layak ("**Promosi**") (tertakluk pada terma dan syarat yang disediakan dalam jadual di bawah) dan menggunakan Kod Promosi "MC2025" ("**Kod Promosi**") melalui Scan & Pay ("**Transaksi Yang Layak**") dengan peniaga yang menyertai di Maybank Championship 2025.

1	Kod promosi	MC2025
2	Nilai Promosi	Diskaun sebanyak RM2
3	Jumlah Had Promosi	Jumlah Promosi keseluruhan dihadkan kepada RM5,000 sepanjang Tempoh Kempen (selepas ini dirujuk sebagai " Jumlah Had Promosi ")
4	Pembelian Minimum Yang Layak	RM10.00 bagi setiap Transaksi yang Layak
5	Had promosi bagi setiap pengguna	TIGA (3) kali peluang Promosi bagi setiap Pelanggan Yang Layak sepanjang Tempoh Kempen, tertakluk kepada Jumlah Had Promosi.
6	Kaedah Bayaran	Scan & Pay melalui aplikasi MAE sahaja.

- b) Berdasarkan jenis Transaksi Yang Layak yang dilakukan, seperti yang dinyatakan dalam jadual di bawah, Pelanggan Yang Layak akan menerima Promosi sepanjang Tempoh Kempen seperti yang dinyatakan dalam Klausula 3.0 di atas.

Transaksi Yang Layak

Transaksi Yang Layak adalah amaun pembelian minimum yang layak sebanyak RM10.00 bagi setiap transaksi.

- i. Lakukan transaksi Scan & Pay daripada aplikasi MAE ("**Kaedah Pembayaran**") dan menggunakan Kod Promosi, iaitu, "MC2025"
 - Pelanggan Yang Layak boleh menukar sumber dana mereka untuk Scan & Pay dari Aplikasi MAE dengan memilih butang 'Change' semasa pembayaran, iaitu akaun semasa, akaun simpanan atau akaun MAE.
- ii. Hanya transaksi Scan & Pay yang dilakukan melalui aplikasi MAE, versi 0.8.6 dan ke atas, seperti yang ditakrifkan dalam Klausula 2.0 (e).

Ilustrasi

Senario		Promosi Yang Layak bagi Transaksi Yang Layak
a	Jumlah nilai pembelian sebanyak RM10 pembayaran dibuat melalui Scan & Pay dari aplikasi MAE oleh Maybank2U MY, didebitkan daripada akaun Simpanan / Semasa / MAE dan menggunakan Kod Promosi.	Diskaun dengan jumlah sebanyak RM2 akan diberikan kerana transaksi memenuhi Klausula 3.0 (a).
b	Jumlah nilai pembelian sebanyak RM9 dengan pembayaran dibuat melalui Scan & Pay dari aplikasi MAE oleh Maybank2u, didebitkan daripada akaun Simpanan / Semasa / MAE dan	Tiada Promosi akan diberikan kerana transaksi tidak memenuhi amaun pembelian minimum yang layak seperti yang ditetapkan dalam Klausula 3.0 (a) (4).

	menggunakan Kod Promosi.	
c	Jumlah nilai pembelian sebanyak RM10 dengan pembayaran dibuat melalui Scan & Pay didebitkan oleh kad Debit / Kredit Maybank dan menggunakan Kod Promosi.	Tiada Promosi akan diberikan kerana sumber dana yang dipilih adalah kad debit / kredit Maybank dan bukan seperti di Klausu 30 (a) (6).
d	Jumlah nilai pembelian sebanyak RM10 dengan pembayaran dibuat melalui Scan & Pay dari aplikasi MAE, didebitkan daripada akaun Simpanan / Semasa / MAE tetapi Kod Promosi tidak digunakan.	Tiada Promosi akan diberikan kerana Kod Promosi tidak digunakan.
e	Jumlah nilai pembelian RM10, dengan pembayaran dibuat melalui Scan & Pay dari aplikasi MAE, didebitkan daripada akaun Simpanan / Semasa / MAE dan menggunakan Kod Promosi untuk kali ke-4.	Tiada Promosi yang akan diberikan kerana pelanggan telah mencapai had bagi setiap pengguna, seperti yang ditetapkan dalam Klausu 3.0 (a) (5).

- c) Transaksi Scan & Pay boleh dibuat dari aplikasi MAE melalui fungsi "PAY". Dengan memasukkan Kod Promosi "**MC2025**" semasa proses pembayaran QR dalam medan 'Kod Promosi', Pelanggan yang Layak secara serta-merta dan automatik akan menerima diskaun yang dinyatakan dalam Klausu 3.0(a) di atas yang akan ditolak daripada harga runcit pembelian mereka dengan peniaga yang

mengambil bahagian, sentiasa tertakluk kepada peruntukan yang dinyatakan di sini.

- d) Setiap Pelanggan yang Layak hanya berhak menggunakan sebanyak TIGA (3) Diskaun Promosi sepanjang Tempoh Kempen, yang mana selepas itu, sebarang percubaan lanjut untuk menggunakan kod promosi tersebut untuk sebarang transaksi tidak akan berjaya.
- e) Sekiranya suatu transaksi diproses dengan peruntukan tersebut seperti dalam Klausula 3.0 (a) dan transaksi tersebut berlaku dengan peniaga yang tidak disenaraikan dalam Lampiran I di sini atas apa jua sebab, termasuk tetapi tidak terhad kepada kegagalan teknikal yang tidak didedahkan atau tidak ditemui, tanpa mengira sama ada transaksi tersebut dilakukan secara tidak sengaja atau secara berniat jahat, Maybank berhak untuk segera mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap akaun Pelanggan Yang Layak untuk jumlah yang tidak sah.
- f) Untuk mengelakkan keraguan, peluang untuk mendapatkan Promosi hanya sah sepanjang Tempoh Kempen dan hanya untuk transaksi Scan & Pay yang didebitkan oleh akaun semasa, akaun simpanan Maybank atau akaun MAE, yang ditransaksi melalui aplikasi MAE (hanya versi 0.8.6 dan ke atas) dan tidak sah dengan promosi, diskau atau baucar lain.

4.0 Terma & Syarat Umum

- a) Maybank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan bagi apa jua kegagalan teknikal, intervensi, gangguan, dan/atau kesilapan elektronik atau manusia dalam pentadbiran dan/atau pemprosesan transaksi yang dilakukan melalui aplikasi MAE, Maybank2u Biz, Maybank2u, atau Maybank2e dengan syarat perkara tersebut tidak berpunca daripada Maybank.
- b) Maybank berhak untuk menarik balik, membatalkan, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen ini lebih awal, secara keseluruhannya atau sebahagian daripadanya, dan berhak untuk mengubah mana-mana terma dan syarat yang terkandung dalam dokumen ini, dari semasa ke semasa dengan memberikan notis sekurang-kurangnya minimum dua puluh satu (21) hari ("hari" hendaklah mempunyai maksud yang sama dengan hari kalendar) sebelum tarikh tersebut, dan notis berkenaan hendaklah disiarkan melalui laman web Maybank2u di www.maybank2u.com.my atau melalui apa-apa saluran lain yang didapati sesuai oleh Maybank. Pelanggan yang Layak bertanggungjawab untuk mendapatkan maklumat tentang ataupun mencari apa-apa notis sedemikian yang disiarkan secara sah.

- c) Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk mengakses laman sesawang Maybank2u di www.maybank2u.com.my secara tetap bagi melihat terma dan syarat dalam dokumen ini dan mendapatkan penjelasan daripada Maybank jika terdapat mana-mana Terma & Syarat yang tidak difahami sepenuhnya.
- d) Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat dalam dokumen ini serta bersetuju dan memberi kebenaran supaya data peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh Maybank menurut Penyata Privasi Maybank yang boleh didapati di www.maybank2u.com.my ("Maybank Privacy Statement") dan pada Borang APDP untuk Pelanggan-Pelanggan Individu.

Sebagai tambahan kepada dan tanpa menjejaskan terma dalam Maybank Privacy Statement dan Borang APDP untuk Pelanggan-Pelanggan Individu, Pelanggan yang Layak bersetuju dan membenarkan data atau maklumat peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh Maybank untuk:

- i) tujuan Kempen; dan
- ii) aktiviti pemasaran dan promosi yang dijalankan oleh Maybank, termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa bentuk pengiklanan atau media dan bahan publisiti seperti rakaman audio dan/atau visual yang diterbitkan melalui akhbar, rangkaian televisyen, stesen radio atau media dalam talian dan media digital serta dalam internet. Aktiviti pemasaran dan promosi termasuk dan tanpa had kepada penggunaan dan/atau penyiaran apa-apa butiran yang diberikan dalam dan/atau yang berhubung dengan penyertaan, bahan temu bual serta respons dan gambar yang berkaitan. Dalam hal ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk bekerjasama dan mengambil bahagian dalam semua aktiviti pengiklanan dan publisiti Maybank yang berkaitan dengan Kempen ini.

*Nota: "APDP" merujuk kepada Akta Perlindungan Data Peribadi (2010).

- e) Maybank dan pegawai, kakitangan, pekerja, wakil dan/atau ejennya (termasuk dan tanpa had kepada mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh Maybank untuk tujuan Kempen ini) tidak bertanggungjawab terhadap Pelanggan yang Layak dalam Kempen ini bagi apa-apa kerugian atau kerosakan langsung, tidak langsung, khas atau berbangkit (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik) yang timbul dari atau yang berhubung dengan Kempen ini kecuali disebabkan oleh apa-apa kecuai atau pengabaian oleh Maybank.

- f) Maybank tidak akan bertanggung bagi apa-apa kegagalan melaksanakan obligasinya di bawah Kempen ini yang disebabkan oleh apa-apa peristiwa force majeure yang termasuk tetapi tidak terhad kepada ketentuan Tuhan, bencana alam, kekacauan awam, tindakan perang, mogok, rusuhan, sekatan masuk, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik dan pandemik atau apa-apa peristiwa dan keadaan walau apa pun sifatnya, yang di luar kawalan munasabah Maybank.
- g) Maybank boleh membatalkan/menolak mana-mana Pelanggan yang Layak yang tidak mematuhi terma dan syarat yang dinyatakan dalam dokumen ini dan/atau didapati atau disyaki cuba mengubah Kempen dan/atau prosesnya atau operasi Kempen ini yang termasuk aktiviti pemalsuan melibatkan apa-apa tindakan tipu helah dan/atau perdayaan dan/atau penipuan berhubung dengan Kempen ini.
- h) Terma dan Syarat ini hendaklah dikawal oleh Undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

Untuk maklumat, pertanyaan, maklum balas dan/atau aduan berkaitan dengan Kempen ini, sila hubungi talian utama Pusat Khidmat Pelanggan Maybank di 1 300 88 6688 atau +603 7844 3696. Sebagai alternatif untuk maklum balas dan/atau aduan, Pelanggan yang Layak boleh memilih untuk menghantar e-mel kepada Maybank melalui borang maklum balas di laman web Maybank2u www.maybank2u.com.my.